



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)
ARAS 1-6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA.



Telefon : 03- 8000 8000
Faks : 03- 8889 5490
Emel : pro@dof.gov.my
Laman Web : <http://www.dof.gov.my>

SIARAN MEDIA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

PEMBANGUNAN SPESIES KELAH BIRU FOKUS UTAMA DOF DALAM RMK-11

Batu Maung, 21 November :- Pembangunan Sumber Baharu Akuakultur bagi spesis **Kelah atau Mahseer (*Tor sp.*)** merupakan salah satu fokus utama di bawah Rancangan Malaysia Malaysia Kesebelas (RMKe11) yang dijangka dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada industri perikanan secara keseluruhannya.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, objektif utama program ini adalah untuk menghasilkan stok **baka induk kelah biru** yang mendapat tumpuan, permintaan dan bernilai tinggi di pasaran sehingga mencecah sehingga RM1,000 sekilo, dan digelar raja ikan sungai. Bermula tahun 2016, DOF melalui Institut Penyelidikan Perikanan Glami-Lemi (FRI Glami Lemi) telah menghasilkan teknologi hatcheri pengeluaran benih kelah bertujuan untuk membantu pengusaha menghasilkan benih kelah secara mapan tanpa bergantung kepada sumber benih liar. Ianya juga dapat memulihkan dan meningkatkan kembali stok semulajadi di habitat asal ikan tersebut.

Beliau berkata, kajian dari FRI Glami Lemi juga berjaya meningkatkan kadar penetasan telur daripada **50% kepada 90%** dan kadar peneluran ikan kelah juga meningkat dari **sekali kepada empat kali setahun** melalui penggunaan diet yang dirumus khas untuk kematangan induk ikan kelah. Penemuan-penemuan ini diharap dapat membantu pihak industri dalam penghasilan benih ikan kelah secara intensif dan berterusan.

Statistik menunjukkan jumlah pengeluaran ternakan ikan kelah pada tahun 2015 ialah sebanyak 25 tan metrik, dan pada tahun 2016 ianya telah menurun kepada 18 tan metrik. Penurunan tersebut disebabkan oleh kesukaran untuk memperolehi benih-benih ikan kelah secara berterusan. Jumlah hatcheri yang menghasilkan benih kelah pada tahun tersebut hanyalah lima buah hatcheri kerajaan dan swasta dengan pengeluaran sebanyak 220 ribu ekor benih kelah setahun.

“Ikan kelah ini hanya **bertelur semasa musim tengkujuh** (November hingga Februari) di sungai-sungai pendalaman yang kualiti air atau persekitarannya masih terpelihara. Oleh kerana sifat pembiakan yang terhad ini, ketersediaan benih ikan ini juga terhad, dan jika pengambilan benih liar ini dilakukan secara berlebihan bagi menampung permintaan yang tinggi, maka lama-kelamaan ikan kelah ini akan pupus. Bagi mengatasi permasalahan ini, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) akan **membangunkan hatcheri** kerajaan di Johor dan sebuah lagi di Terengganu serta beberapa hatcheri swasta yang terpilih. Ianya bertujuan untuk membantu penternak/pembekal dalam menghasilkan benih kelah sendiri tanpa bergantung kepada benih liar, dan ia dapat melindungi benih liar daripada dieksploitasi secara berlebihan” ujarnya kepada pemberita selepas melancarkan Teknologi Peningkatan Pematangan dan Pembenihan Ikan kelah Biru (*Tor* sp.) di sini hari ini.

Tambahnya lagi, program pembangunan hatcheri pengeluaran benih ini akan mencakupi beberapa elemen seperti pembangunan infrastruktur, pengurusan serta pembangunan induk, pengurusan makanan, pembiakan aruhan dan asuhan serta ternakan iaitu kaedah asuhan benih, kadar tebaran dan pengredan. Diharap dengan usaha Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ini dapat menyumbang kepada peningkatan industri akuakultur di Malaysia.

####

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi;

Yazeereen A. Bakar (012 – 356 9344)

Mohd Sharir Mohd Sani (013 – 631 7313)

Zudaidy Jaapar (012 – 390 5873)

Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Perikanan Malaysia

E-mel : pro@dof.gov.my; ukk@dof.gov.my